


DATE: 7/12/2010

## Najib hadiri sambutan Maal Hijrah

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (empat dari kanan) membaca surah Yasin sempena Maal Hijrah 1432H/2010 di Masjid Negara, Kuala Lumpur, malam tadi.



MUHAMMAD FADLI HANZAH | BERITA HARIAN

# 3 inisiatif tarik bakat taraf dunia

Modal insan berkemahiran tinggi penting bagi laksana transformasi: PM

Oleh Johari Ibrahim  
joib@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan tiga inisiatif dasar baru bertujuan memenuhi keperluan bagi Malaysia mempunyai bakat bertaraf dunia sejajar dengan transformasi ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata tiga inisiatif berkenaan ialah memberi kelonggaran kepada pelajar terpilih yang menerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkhidmat dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau swasta sebagai pembayar balik tempoh kontrak bagi menyokong keperluan modal insan berkemahiran tinggi di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Beliau berkata, selain GLC, keutamaan juga akan diberikan kepada syarikat swasta yang terbabit dengan Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) yang mana mekanismenya akan dihasilkan tahun depan.

Katanya, pada masa sama,

kerajaan juga menawarkan Pas Pemastautin kepada rakyat asing berkemahiran tinggi untuk tinggal dan bekerja di Malaysia bagi satu tempoh yang lama dan tidak terikat dengan majikan tertentu berbanding Pas Penggajian.

"Selain itu, Pas Pemastautin juga akan ditawarkan kepada diaspora Malaysia, khususnya yang tidak lagi memegang taraf kewarganegaraan. Jabatan Imigresen dijangka bersedia menerima permohonan untuk Pas Pemastautin menjelang pertengahan 2011.

"Bagi mencapai hasrat Malaysia sebagai ekonomi bertaraf antarabangsa, kita perlu melaksanakan inisiatif untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan untuk ekonomi berpendapatan tinggi," katanya pada majlis pelancaran Talent Corporation (Talent Corp) di pejabatnya di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Talent Corp akan diberi tanggungjawab sebagai per-

antara antara kumpulan sasaran berkenaan dengan agensi kerajaan termasuk membuat padanan pekerjaan.

Beliau berkata, pada masa sama, kerajaan juga melonggarkan syarat Pas Penggajian berkaitan tempoh maksimum bekerja di sini selama 10 tahun, keperluan menyediakan pelatih bagi eksekutif

(understudy) dan mengiklankan jawatan eksekutif, yang akan berkuat kuasa tahun depan.

"Untuk mencapai hasrat Malaysia mencapai ekonomi bertaraf antarabangsa, kita perlu melaksanakan inisiatif untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan bagi ekonomi berpendapatan tinggi," katanya.

Dianggarkan 700,000 rakyat Malaysia, yang sebahagian besarnya berkemahiran tinggi berada di luar negara khususnya di Singapura dan Hong Kong.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata JPA akan mengemukakan garis panduan berkaitan kelonggaran pemegang biasiswanya untuk tidak bekerja dalam perkhidmatan awam.

"Kita akan lebih fleksibel kepada mereka yang berupaya menyumbang kepada pembangunan negara, pertumbuhan ekonomi dan menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP)," katanya.

Beliau berkata, Talent Corp akan berfungsi sebagai

perantara dengan GLC dan sektor swasta untuk memandangkan perkhidmatan di sini.

Mengenai isu gaji, Perdana Menteri berkata Malaysia perlu kompetitif pada peringkat global bagi menarik tenaga mahir termasuk rakyat Malaysia di luar negara pulang berkhidmat di sini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh memaksa rakyat Malaysia yang berada di luar negara berdaftar dengan Talent Corp tetapi akan berusaha mengesan mereka sama ada secara fizikal atau dalam talian.

Talent Corp akan beroperasi mulai 1 Januari depan dengan Lembaga Pemegang Amanahnya dipengerusikan oleh Perdana Menteri manakala ahlinya ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Datuk Seri Idris Jala dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Najib juga mengumumkan Ketua Pegawai Eksekutif Talent Corp iaitu Johan Mahmood Merican, bekas Setiausaha Sulit Kanan Nor Mohamed.

**“Untuk mencapai hasrat Malaysia mencapai ekonomi bertaraf antarabangsa, kita perlu melaksanakan inisiatif menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan bagi ekonomi berpendapatan tinggi”**

**Najib Razak**  
Perdana Menteri